



Masalah banjir berterusan

Melaka perlu dana RM100 juta bina Empangan Sungai Jernih atasi bencana kerap landa penduduk

ALOR GAJAH: Melihat rumah digenangi air akibat banjir sudah cukup menghibakan, apa lagi apabila melihat segala peralatan dan perabot yang turut rosak.

Bagaimanapun, penduduk yang mengalami masalah ini tidak dapat berbuat apa-apa, selain mengharapkan pihak yang bertanggungjawab segera melakukan sesuatu supaya apa yang dialami tidak berterusan.

Bagi penduduk di beberapa kawasan sekitar daerah ini, masalah banjir bagaikan sudah lumrah dan untuk itu kerajaan negeri Melaka meminta peruntukan tambahan berjumlah RM100 juta disalurkan segera bagi membolehkan projek pembinaan Empangan Sungai Jernih di sini dapat dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir yang kerap melanda penduduk di daerah ini sejak kebelakangan ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali

Rustam, berkata ketika ini, kerajaan negeri memerlukan tambahan dana itu selepas mendapati empangan berkenaan mampu menyelesaikan masalah banjir di Daerah Alor Gajah.

Setakat ini, katanya, Melaka hanya memiliki Empangan Durian Tunggal dan Empangan Jus di Jasin yang berperanan sebagai takungan banjir dan sebagai bekalan air minuman untuk penduduk di negeri ini.

"Saya minta Kementerian Kewangan dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat menyalurkan segera, saya juga cadangkan supaya peruntukan itu disalurkan terus kepada kerajaan negeri supaya projek pembangunan itu kita boleh laksanakan sendiri dengan dipantau pegawai dari kementerian berkenaan.

"Saya percaya dengan cara itu, kerajaan negeri akan dapat melaksanakan pembinaan empangan itu dengan lebih cepat dan masalah banjir di negeri ini dapat diselesaikan," katanya ketika meninjau lokasi banjir di Sungai Siput, dekat Brisu, di sini,

petang kelmarin.

Beliau berkata, selain sebagai takungan banjir, kewujudan Empangan Sungai Jernih itu juga mampu bertindak membekalkan keperluan air bersih untuk kegunaan penduduk Alor Gajah memandangkan sumber air domestik negeri Melaka akan berkurangan pada 2018.

"Pembinaan empangan ini perlu digerakan kerana projek mendalamkan Sungai Siput yang menelan kos RM4 juta yang dijangkakan mampu menyelesaikan masalah banjir selama 25 tahun kurang berkesan sebaliknya selepas dua tahun ia siap dilaksanakan, banjir paling teruk mula melanda Alor Gajah," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, kerajaan negeri sudah diperuntukkan sejumlah RM90 juta untuk projek tebatan banjir Sungai Melaka di Daerah Melaka Tengah dan Jasin bagi mengelak masalah serupa berulang seperti dialami pada hujung Disember 2006.

"Tetapi surat tawaran untuk menjalankan kerja tebatan banjir di Daerah

Melaka Tengah dan Jasin belum dapat dikeluarkan kerana peruntukan itu masih belum diterima daripada kementerian kewangan. Saya cadangkan supaya mereka menyalurkan terus dana peruntukkan itu kepada kerajaan negeri supaya kita dapat menggerakkan segera projek

FAKTA NOMBOR

Banjir di Melaka

RM20j

Peruntukan tebatan banjir

608

Rumah penduduk terbabit

berkenaan," katanya.

Mohd Ali yang diiring Pegawai Daerah Alor Gajah, Hasim Ismail meluangkan masa hampir empat jam meninjau ke beberapa buah kampung di daerah ini yang dilanda banjir sedalam antara 0.5 meter hingga satu meter yang melanda Kampung Air Paabas, Pekan Alor Gajah dan Kampung Padang Kambing berpunca dari hujan lebat berterusan sejak jam 3 pagi.

Dalam kejadian itu, sebanyak 608 rumah penduduk di Daerah Alor Gajah terjejas dan Jalan Datuk Md Zin di pekan ini yang menjadi laluan utama penduduk ke Tampin ditutup kepada semua kenderaan bermula jam 1.30 tengah hari berikutan arus deras.

Sebelum itu, kira-kira 50 penduduk di beberapa buah taman di bandar ini terpaksa dipindahkan ke dewan Al-Rashidin Masjid Daerah Alor Gajah apabila kawasan terbabit mula ditenggelami air sedalam kira-kira 0.5 meter akibat hujan lebat bermula awal pagi.